

Pembangunan Wakaf *Dhurri*: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi

Development of Wakaf Dhurri: The Establishment of Family Companies Towards Sustainable Economic Resources

JASNI SULONG, Universiti Sains Malaysia
MUHAMMAD SYAMIR IZZUDDIN ZULKIFLI, Universiti Sains Malaysia

Received: January 19, 2021 Accepted: April 11, 2022 Online Published: June 15, 2022

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

ABSTRAK

*Perbincangan mengenai wakaf akhir-akhir ini menjadi semakin menarik apabila melibatkan konsep yang semakin bersifat dinamik demi kelestarian pembangunan harta. Dahulu, kita sering mendengar isu-isu wakaf dalam konteks harta yang beku dan jumud sahaja, hari ini kita dapati banyak inovasi yang telah berlaku. Isu ekonomi ke atas harta wakaf keluarga menjadi topik yang hangat diperdebatkan berikutan konflik yang sering berlaku ketika menguruskannya yang akhirnya menjadi punca perbalahan dan tanah pun terbiar. Artikel ini bertujuan mengkaji konsep wakaf keluarga (*dhurri*) dan pembangunannya sebagai metod memajukan hartanah keluarga. Pada masa yang sama, kajian ini akan menilai isu dan penyelesaian bagi konflik yang berlaku. Kajian ini juga bertujuan menjelaskan satu model pengurusan wakaf keluarga yang berkesan. Penyelidikan ini lebih menggunakan pendekatan bersifat kajian kepustakaan dengan merujuk pada kitab-kitab fiqh tradisional, nas al-Quran dan Hadis serta undang-undang semasa. Analisis secara kandungan dilakukan dengan meneliti sandaran teori yang digabungkan dengan dapatan daripada amalan dan praktis terbaik. Dapatan kajian merumuskan bahawa wakaf keluarga penting untuk dimanfaatkan di bawah pengurusan yang terancang supaya dapat menjamin kelestarian pendapatan dan ekonomi kepada waris yang terlibat. Maqasid Islam ketika mengharuskan pelaksanaannya adalah bagi memastikan institusi keluarga dapat tampungan sumber harta yang kekal sebagai sumber sekunder dalam perbelanjaan bulanan. Pada masa yang sama ia merupakan sumbangan pahala yang berterusan daripada wakif kepada generasi keluarganya daripada jatuh miskin dan meminta-minta dengan manusia lain.*

Kata Kunci : Pembangunan, Wakaf Keluarga, Hartanah, Maqasid, Kelestarian.

ABSTRACT

*Lately, the discussions on waqf become increasingly interesting when it involves on dynamic concept to sustain the property development. In the past, we often heard of waqf issues in the context of frozen and stagnant property, but today we find many innovations have taken place. The economic issue of family waqf property has become a hotly debated topic due to the frequent conflicts when managing the property, which eventually became a source of contention and as a result, land become abandoned. This article aims to study on the concept of family waqf (*dhurri*) and its development as a method of developing family property. At the same time, this study will evaluate the issues and solutions for the conflicts that occur. This study also aims to explain an effective family endowment management model. This research uses a literature review approach with reference to the books of traditional fiqh, the text of the Qur'an and Hadith as well as current law. Content analysis was performed by examining the theoretical sources, combined with findings from the best practices. The finding of the study has reach a conclusion that family endowment is important to be utilized under a well-plan management in order to ensure the sustainability of income and economical value of the assets. The method also based on Maqasid Syariah when requiring its implementation in order to ensure the family institution can accommodate with the source of property, that remains as a secondary source in monthly expenses. At the same time, it is a constant contribution of rewards from the wakif to the generation of his family to prevent them falling into poverty and begging with other human beings.*

Keywords: Development, Family Endowment, Real Estate, Maqasid, Sustainability

PENGENALAN

Perbincangan mengenai wakaf semakin menarik pada akhir-akhir ini apabila pelaburan dan nilai ekonomi

hartanah mula disedari ramai dapat menjana pulangan untung yang lebih tinggi. Jika dahulu, kita sering mendengar isu harta wakaf yang terbiar beku, jumud dan tiada nilai ekonomi kerana keterbatasan

penggunaannya dan tiada pengurusan yang teratur dilakukan ke atasnya. Pendek kata, terimalah seadanya harta wakaf itu tanpa usaha melipatgandakan nilai ekonominya. Namun pada hari ini pandangan ini tidak lagi sedemikian, apabila perspektif kepada pembangunan dan pelaburan harta wakaf telah berkembang. Idealisme baharu dan inovasi banyak digagaskan untuk menjadikan harta wakaf berdaya saing dan dapat mencapai *maqasid* wakaf yang diniatkan oleh syariat dan juga pewakaf.

Di Malaysia, peruntukan mengenai wakaf diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, iaitu Senarai Negeri dalam Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan bidang kuasa pengurusan harta wakaf kepada negeri-negeri. Kesannya, pentadbiran harta wakaf diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing di mana Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pihak berkuasa yang bertanggungjawab ke atasnya. MAIN berfungsi sebagai pemegang amanah tunggal dalam pentadbiran harta-harta wakaf orang Islam. Berdasarkan bidangkuasa yang diberikan ini, sehingga kini enam buah negeri telah menggubal enakmen khusus mengenai wakaf seperti Enakmen Wakaf Selangor 2015, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan 2005, Enakmen Wakaf Perak 2015, Enakmen Wakaf Melaka 2005 dan Enakmen Wakaf Terengganu 2016. dan Enakmen Wakaf Sabah 2018. Enakmen wakaf yang lebih terperinci ini mengandungi aspek perundangan wakaf termasuk klausa berkenaan pembuat dan penerima wakaf, harta wakaf, kuasa dan tanggungjawab Majlis, Kumpulan Wang Wakaf, kesalahan dan penalti yang berkaitan dengan penyalahgunaan wakaf, serta penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung wakaf (Abd Jalil Borham, 2002).

DEFINISI WAKAF DAN WAKAF *DHURRI* DALAM ISLAM

Istilah wakaf berasal daripada perkataan Arab iaitu *waqf*, merupakan kata nama terbitan dari kata kerja *waqafa*. Berdasarkan maksud bahasa, *waqf* diertikan sebagai berhenti (السكن), tegahan (المنع)

dan tahan (الحبس) (Ibn Manzur, 1990). Semua maksud ini meletakkan harta yang diwakaf dihentikan, ditegah atau ditahan daripada berfungsi sebagaimana harta milikan biasa. Dalam pemahaman ini, al-Syarbini (1997) dan al-Nawawi (t.t.) sepakat mentakrifkan wakaf sebagai dekat dengan maksud *al-habs* (menahan) kerana ia lebih hampir kepada pengertian yang dimaksudkan syarak. Lebih-lebih lagi perkataan *al-habs* ini banyak diucapkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadisnya, antaranya ialah (Sunan Nasai', 1999):

حيس الاصل وسبل الثمرة

Maksudnya: "Wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah".

Ungkapan *al-habs* di sini bermaksud sesuatu harta yang dihentikan fungsi pemilikannya oleh manusia dan hak miliknya diserahkan kepada Allah SWT, untuk manfaat umat Islam umumnya. Maka transaksi ke atas harta juga terhenti, iaitu harta tersebut tidak boleh lagi diurusniaga atau dipindahmilik kepada sesiapa pun. Hanya manfaatnya sahaja yang diambil untuk tujuan kebajikan umat Islam.

Manakala daripada segi istilah, wakaf bermaksud menahan sesuatu harta seseorang daripada sebarang transaksi kewangan supaya dapat dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan itu hendaklah berada dalam keadaan yang baik dan manfaatnya kekal untuk kebaikan umat Islam (al-Syarbini, 1997; al-Nawawi, t.t.). Tujuan wakaf adalah untuk mendekati diri kepada Allah SWT melalui konsep sedekah kepada orang lain yang memerlukan manfaat tersebut. Sejak wakaf dimulakan, pewakaf tidak lagi mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut (al-Syarbini, 1997). Takrifan ini selaras dengan definisi menurut Kamus Dewan (2016) iaitu sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau sesuatu yang diuntukkan bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Misalnya tanah yang diwakafkan sebagai tapak masjid, surau atau tanah perkuburan orang-orang Islam.

Mengulas pembentukan wakaf ini, Muhammad 'Arfah al-Dusuqi (1980) menyatakan ia bermula dengan akad iaitu niat pewakaf untuk memberi manfaat sesuatu harta yang dimiliki kepada orang yang berhak dengan satu akad dalam jangka masa tertentu, sesuai dengan kehendak pewakaf. Apa yang dipentingkan manfaatnya, sebagaimana pandangan Ibn Qudamah (1972) dari ulama Mazhab Hanbali yang menyatakan bahawa wakaf adalah menahan yang asal dan memberikan hasilnya.

Fizikal harta wakaf mesti baik dan utuh supaya manfaat itu dapat berterusan. Ibn Hajar al-Haitami (t.t.) menekankan hal ini apabila menyatakan bahawa wakaf ialah menahan harta yang boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik. Pandangan yang sama oleh Sayyid Sabiq (1987), wakaf ialah menahan benda yang menjadi milik pewakaf dan menyedekahkan manfaatnya di jalan Allah SWT. Rangkuman definisi mengenai fizikal, manfaat dan taqwa pada amalan berwakaf ialah definisi daripada Wahbah al-Zuhayli (2015) yang menyebut, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya serta boleh dimanfaatkan bagi tujuan kebajikan dan ia diserahkan kepada pihak yang telah ditentukan dengan harapan ia dapat mendekati diri kepada Allah SWT.

Berdasarkan definisi yang dikemukakan, dapat kita simpulkan di sini bahawa wakaf ialah satu amalan dengan menyerahkan sebahagian harta yang dimiliki untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dengan bertujuan mendekati diri kepada Allah SWT. Tindakan berwakaf ini adalah merupakan satu bentuk sedekah sunat yang dilakukan secara sukarela (*tabarru'*). Kesan berwakaf akan adalah sebagaimana

sedekah jariah yang pahalanya terus berjalan selagi mana harta dan manfaat sedekah tersebut kekal.

Manakala istilah wakaf *dhurri* atau wakaf *ahli* adalah istilah yang merujuk kepada harta wakaf yang dikhususkan kepada keluarga sahaja. Menurut al-Syarbini (997H), istilah *waqf dhurri* atau *ahli* adalah hasil gabungan dua perkataan iaitu, "*waqf*" dan "*dhurri*" atau "*ahli*". Kedua-dua lafaz bagi "*dhurri*" atau "*ahli*" ini adalah merujuk kepada keluarga yang mempunyai hubungan darah atau merupakan waris tanggungan si pemilik harta. "*Dhurri*" atau "*ahli*" juga bermaksud zuriat atau keturunan, yang menjadi ahli keluarga seseorang. Isa Zaki (1995) dan Manual Pengurusan Tanah Wakaf (2006) merumuskan wakaf keluarga sebagai wakaf yang dilakukan yang melibatkan pemberian manfaat kepada anak, cucu atau kerabat melalui harta yang diniatkan oleh si pewakaf.

Sesuai dengan namanya, wakaf *dhurri* bertujuan untuk memberikan kelangsungan sumber ekonomi dan manfaat kepada keluarga yang mempunyai hubungan darah dengan pewakaf. Dengan cara ini, pewakaf dapat menjamin kerabat terdekatnya pada setiap masa mempunyai sesuatu harta untuk bergantung dan dapat menjaga kebajikan keturunan yang termasuk di bawah salah satu daripada lima perkara keutamaan iaitu *hifzu al-nasl* (menjaga keturunan). Malah syariat sendiri menganjurkan mengutamakan kaum keluarga terdekat ketika melakukan sedekah. Maka bersedekah melalui wakaf *dhurri* adalah salah satu daripada usaha tersebut.

Amalan wakaf keluarga ini didapati banyak diamalkan pada masa dahulu iaitu sekitar 1920an sehingga 1960an. Namun untuk akhir-akhir ini, kajian Farhana (2018) mendapati ia tidak lagi mendapat sambutan. Faktornya mungkin disebabkan banyak harta wakaf keluarga yang menjadi jumud dan tidak dimanfaatkan. Berdasarkan kajian tersebut, kira-kira 34.6% daripada harta wakaf ini di Terengganu tidak dimanfaatkan dan keadaan ini boleh merugikan waris di samping menyebabkan harta wakaf terbabit tidak ekonomik.

DALIL PENSYARIATAN WAKAF *DHURRI*

Dalil pensyariatkan wakaf *dhurri* (keluarga) tidak didapati secara langsung dalam al-Qur'an dan al-Hadis. Bagaimanapun dalil-dalil ini dapat diteliti dan diistinbatkan daripada galakan bersedekah dan melakukan kebajikan dengan mengutamakan keluarga terdekat.

1. Al-Qur'an

Di dalam al-Quran, terdapat banyak nas dan ayat yang menggalakkan umat Islam supaya melakukan amalan kebajikan. Ia termasuk amalan yang melibatkan harta demi mencari keredhaan dan mendekati diri kepada Allah SWT seperti amalan bersedekah, hibah, hadiah, derma dan sebagainya. Termasuk dalam kebajikan yang bersifat *tabarru'* ini adalah amalan berwakaf. Galakan ini boleh dilakukan secara terbuka atau

tersembunyi, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 271:

إِنْ تَبَدُّوا الصَّدَقَاتِ فَنَعِمًا هِيَ وَإِنْ تَخْفَوْهَا وَتَوَّهَّوْهَا
الْفُقَرَاءُ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ
بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya: "Jika kamu menampakkan sedekahmu (secara terang), maka yang demikian adalah baik sekali (kerana menjadi teladan kepada orang lain). Dan jika pula kamu menyembunyikannya serta kamu berikan kepada orang-orang fakir miskin, maka (menyembunyikan) itu adalah baik bagi kamu, dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu kerjakan."

Perbuatan kebajikan ini ditegaskan lagi oleh Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 274 mengenai ganjaran pahala kepada yang berbuat demikian. Manakala dalam Surah al-Baqarah ayat 261, Allah SWT mengibaratkan pahala yang dilakukan ini bercambah-cambah. Al-Imam Ibn Kathir (2012) dalam menjelaskan maksud ayat ini berkata ini merupakan perumpamaan yang diberikan oleh Allah SWT mengenai gandaan pahala bagi orang yang mahu mendapat keredhaan-Nya".

Kesemua ayat al-Quran di atas merujuk secara tidak langsung kepada ibadah wakaf yang lebih bersifat berkekalan. Justeru, umat Islam amat digalakkan untuk melaksanakannya. Lebih-lebih lagi apabila kebaikannya melimpahi keluarga yang terdekat.

2. Al-Hadis

Berdasarkan hadis, tindakan berwakaf juga di sebut dengan istilah sedekah jariah (Abu Jayb, 2003). Maksud wakaf selari dengan sedekah jariah kerana pahalanya terus menerus mengalir kepada orang yang melakukannya (al-Syarbini, 1997). Sedangkan sedekah yang lain, pahalanya terhad sehingga ia dihabiskan. Galakan bersedekah jariah atau amalan wakaf ini sangat digalakkan Islam. Abu Hurairah r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW ada bersabda (Muslim, 2000):

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٌ
جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksudnya: "Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."

Para ulama sepakat menerima wakaf sebagai satu amal jariah yang disyariatkan dalam agama Islam. Tiada siapa yang dapat menafikan dan menolak tuntutan amalan wakaf dalam Islam kerana wakaf

telah menjadi amalan yang sentiasa diutamakan oleh para sahabat Rasulullah SAW (al-Asqalani, 2001).

Beberapa riwayat menceritakan mengenai amalan Sahabat melakukan sedekah dalam bentuk wakaf, misalnya tindakan Umar al-Khattab r.a mewakafkan tanahnya di Khaybar. Riwayat Ibn Umar r.a ada menceritakan (Muslim, 2000):

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيْبَرَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْذِنُ فِيهَا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ فَمَا تَأْمُرُ بِهِ قَالَ إِنْ شِئْتَ حَسَبْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا قَالَ فَتَصَدَّقْ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ وَتَصَدَّقْ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الثَّرَقَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالصَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ وَيُطْعِمَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ قَالَ فَحَدَّثْتُ بِهِ ابْنَ سِيرِينَ فَقَالَ غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا

Maksudnya: Ibn 'Umar berkata, "Umar mendapat sebahagian tanah kebun di Khaibar, lalu beliau pergi berjumpa dengan Nabi SAW dan meminta nasihat mengenai bahagian tersebut, dia berkata, "Wahai Rasulullah, saya mendapat bahagian tanah kebun di Khaibar dan saya belum pernah mendapat harta yang sangat saya banggakan seperti tanah kebun tersebut, maka apa yang tuan perintahkan mengenai kebun tersebut?" Baginda menjawab, "Jika kamu mahu, peliharalah pohonnya dan sedekahkanlah hasilnya." Ibn 'Umar berkata, "Kemudian Umar mendedekahkannya, tidak dijual pohonnya dan hasilnya, tidak diwariskan dan tidak dihibahkan." Ibn 'Umar meneruskan, "Umar mendedekahkan hasilnya kepada orang fakir, kaum kerabat, memerdekakan hamba, dana perjuangan di jalan Allah, untuk pejuang dan untuk menjamu tetamu. Dan dia juga membolehkan orang lain untuk menguruskan kebun tersebut dan memakan dari hasil tanamannya dengan cara yang baik, atau memberi makan kepada saudaranya dengan berpatutan dan tidak menyimpannya (untuk meng kayakan dirinya)." (Hadis no. 2532, 2565)

Jelas berdasarkan hadis ini, Saidina Umar al-Khattab r.a telah melakukan wakaf dan bukannya sedekah biasa. Lebih-lebih lagi pemberiannya kepada umum umat Islam dan melibatkan hartanah yang kekal manfaat dan fizikalnya. Sirah banyak merekodkan kemurahan hati sahabat Rasulullah S.A.W, misalnya Abu Talhah r.a. Beliau telah mewakafkan tanahnya di Bairuha' iaitu sebuah kebun kurma yang paling disayangnya (al-Syarbini, 1997).

Bagaimanapun dalam melakukan sedekah dan wakaf, keutamaan adalah kepada keluarga terdekat. Para Sahabat seperti Saidina Abu Bakr, Umar, Uthman dan Saad Bin Abi Waqqas juga turut mewakafkan harta berupa harta dan tanah kepada ahli keluarga serta keturunan mereka. Keutamaan ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (Muslim, 2000):

دينار أنفقته في ربة، ودينار تصدقت به على مسكين، ودينار أنفقت على أهلك، أعظمها أجرا الذي أنفقته على أهلك

Maksudnya "Dinar yang engkau infakkan di jalan Allah, dinar yang engkau infakkan untuk membebaskan hamba abdi, dinar yang engkau sedekahkan kepada fakir miskin, dinar yang engkau nafkahkan kepada keluargamu, pahala yang paling besar adalah dinar yang engkau nafkahkan untuk keluargamu".

Berdasarkan hadis ini, sedekah yang diberikan kepada anggota keluarga lebih diutamakan. Ini bagi menjaga kebajikan masa depan mereka, khususnya jaminan pendapatan dan penjana ekonomi (al-Syawkani, t.t.).

ELEMEN PENGURUSAN DALAM MELESTARI WAKAF KELUARGA

Dalam Islam, setiap pensyariat hukum ada mempunyai *maqasid* dan hikmah yang tersendiri yang tentunya demi kebaikan umat. Dalam pembentukan wakaf keluarga, *maqasid* syarak mengharuskannya adalah kerana menjaga kelangsungan ekonomi anggota keluarga terdekat kepada pemilik harta. Itulah yang biasanya diniatkan pewakaf supaya harta tersebut tidak dimiliki secara peribadi oleh seseorang sahaja, tetapi melalui perkongsian pemilikan manfaat oleh semua ahli keluarga.

Dalam memastikan *maqasid* ini tercapai, pengurusan dan pembangunan oleh *mutawalli* ke atas harta yang diwakafkan oleh seseorang pewakaf adalah sangat penting. Ia adalah untuk manfaat anggota keluarga yang lain dan menjadi bukti kekuatan hubungan persaudaraan yang saling sokong-menyakong (Asmak, 2009). Kebijaksanaan seseorang *mutawalli* dalam memastikan tujuan dan niat pewakaf direalisasikan secara berkekalan melalui pengurusan yang produktif ini akan dapat memastikan harta itu tidak beku dan jumud. Di Malaysia, harta wakaf keluarga wujud dalam pelbagai bentuk seperti masjid, tanah perkuburan, surau, pondok, madrasah, ladang, bangunan (kedai, rumah kedai, kediaman) dan sebagainya (Asmak, 2009). Di samping harta berbentuk fizikal, harta wakaf juga terbit daripada manfaat harta alih atau hasil daripada harta tak alih seperti hasil sewa, wakaf tunai, wakaf saham, wakaf takaful dan lain-lain harta alih seperti mesin hemodialisis (Siti Mashitoh, 2007).

1. Penubuhan Syarikat Keluarga

Salah satu *maqasid* wakaf keluarga ialah ke arah memanfaatkan kekayaan daripada harta si mati kepada anggota keluarga tertentu secara berkekalan. Secara tak langsung, ia juga membawa kepada kewujudan entiti penerima manfaat wakaf yang kekal. Seajar dengan itu setiap waris hendaklah bersepakat menubuhkan satu kumpulan penerima wakaf, dan

yang terbaiknya ialah menubuhkan sebuah syarikat keluarga.

Syarikat atau perniagaan keluarga didefinisikan sebagai penglibatan seorang atau lebih daripada ahli keluarga yang bertanggungjawab dalam pengurusan sesebuah perniagaan (Coulter 2001; Scarborough 2011). Menurut Armanurah, Nasri & Syahrina (2018), syarikat keluarga berlaku melalui penubuhannya oleh seorang pengasas dan kemudian diambil alih oleh waris, seperti isteri, anak-anak atau saudara. Sesuai dengan tujuannya, ahli keluarga bertanggungjawab membuat keputusan berdasarkan kepada pemilikan (Dean 2005; Norashidah *et al.* 2012), atau dengan kata lain, sebuah syarikat yang dimiliki, dikawal, dan dikendalikan oleh ahli-ahli dalam keluarga yang sama. Menurut Lee (2006), syarikat keluarga ialah hasil interaksi antara dua institusi, iaitu keluarga dan syarikat dalam menjalankan satu perniagaan secara bersama. Besar atau kecilnya sebuah syarikat keluarga adalah bergantung kepada saiz, pemilikan, dan struktur pengurusan (Rosli, *et al.*, 2010).

Penubuhan syarikat keluarga ini secara langsung akan menjadikan pengurusan ke atas harta wakaf terbabit akan dinamik, bagi meraih keuntungan dan faedahnya diagihkan kepada pemilik dan pekerja. Perkara yang membezakan antara syarikat keluarga dengan yang lain ialah daripada segi pemilikan dan pengurusan perniagaan dipegang oleh sesebuah keluarga pada satu-satu masa dan akan berpindah daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Pengurusan syarikat keluarga jelas akan memanfaatkan semua ahli dalam sesebuah keluarga. Syarikat keluarga sangat penting bukan sahaja kepada pendapatan ahli keluarga tetapi juga kepada ekonomi negara melalui penciptaan peluang pekerjaan baharu. Ini menunjukkan perniagaan keluarga tidak semestinya bersifat domestik, ia boleh menjadi perusahaan perniagaan yang besar dan strategik (Frederick dan Kuratko, 2010).

Cuma masalah yang biasa dihadapi oleh syarikat keluarga adalah sikap tidak berpuas hati dalam kalangan ahli keluarga sendiri (Alexis, 2014). Ini disebabkan beberapa faktor seperti kualiti pengurusan, perancangan, agihan keuntungan, faktor umur, tiada komunikasi, sikap dengki, tamak dan konservatif (Lee, 2006; Ab. Aziz & Zakaria, 2004). Semua ini mungkin membawa kepada berlakunya kes pergaduhan, pecah amanah, menjual saham kepada orang luar dan sebagainya. Keutuhan syarikat keluarga akan bertahan lama sekiranya sikap negatif ini dapat diatasi, adanya pelan penggantian dan bersikap profesionalisme (Armanurah, Nasri & Syahrina 2018). Langkah-langkah yang bijaksana perlu disusun untuk memastikan kesinambungan perniagaan sesebuah keluarga (Ab. Aziz & Zakaria, 2004; Frederick, O'Connor, & Kuratko 2013).

Di Malaysia, perkongsian harta keluarga yang mirip harta wakaf keluarga yang paling dekat adalah dalam pewarisan hartanah FELDA. Ini kerana bagi Tanah Rancangan Berkelompok FELDA,

pindahmilik harta pusaka yang ditinggalkan hendaklah hanya kepada dua penama sahaja kerana tertakluk kepada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 (Seksyen 7). Dasar Kerajaan ini menyebabkan hartanah FELDA menjadi seolah harta kekal yang tidak boleh diurusniaga melainkan secara mendapatkan manfaatnya secara bersama. Justeru, ia perlu ditangani melalui pembentukan syarikat keluarga supaya hak setiap waris dapat diagihkan dengan baik oleh penama yang memegang amanah (Nasrul Hisham dan Norazila, 2013). Setakat ini, tindakan warga peneroka dalam menguruskan pembahagian harta pusaka peneroka adalah dengan melantik pentadbir pusaka. Bagaimanapun, berlaku juga pertelingkahan berhubung pengurusannya yang memerlukan kefahaman dan kerjasama semua ahli waris. Kerjasama semua waris adalah indikator yang penting dalam melicinkan proses pindahmilik dan mengelak kerumitan dalam pembahagian harta pusaka (Zulkifli, 2007).

Perlantikan dua orang pentadbir bagi hakmilik di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 boleh menjadikan mereka sebagai pengurus utama syarikat keluarga. Ini akan menjadikan mereka lebih bertanggungjawab untuk membahagikan hasil-hasil pendapatan daripada harta si mati kepada waris-waris pusaka mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009, Perintah Pembahagian (Borang E dan F). Tindakan ini selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-38 yang bersidang pada 21 Jun 1995 yang mencadangkan kaedah bagi pewarisan harta di Tanah Rancangan FELDA. Antara keputusan yang telah dicadangkan ialah:

- i Semua waris bersepakat untuk melantik seseorang daripada mereka sebagai wakil bagi menguruskan hartanah pusaka
- ii Sekiranya tidak sepakat, harta simati hendaklah dijual dengan memberi keutamaan kepada waris sebagai pembeli. Hasilnya dibahagikan kepada waris mengikut faraid
- iii Lebihan harta diserahkan kepada Baitulmal, selepas tiada lagi waris yang berhak menerimanya.
- iv Kebiasaannya mereka melantik pentadbir bagi menguruskannya sebagai harta keluarga. Secara tersusun, penubuhan syarikat keluarga yang berdaftar dapat memberi jaminan yang lebih baik kepada semua waris.

2. Penggubalan Statut Syarikat Keluarga

Sehingga kini beberapa negeri di Malaysia telah mempunyai perundangan mengenai wakaf tersendiri. Penggubalannya berbeza-beza mengikut negeri kerana bidangkuasa wakaf berada di bawah kuasa negeri iaitu di bawah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Terdapat istilah berbeza diistilahkan kepada wakaf *dhurri* ini misalnya Enakmen Wakaf (Perak) 2015 mengistilahkan “wakaf ahli” tetapi dalam

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 menyatakan “wakaf kepada waris”.

Penggubalan enakmen wakaf semasa tidak membincangkan dengan detil pengurusan harta wakaf keluarga melainkan secara umum di bawah bidangkuasa MAIN yang berperanan sebagai pengurus harta wakaf (*mutawalli*). Menurut kajian Sharifah Zubaidah (2016), terdapat negeri yang hanya memberikan takrifan “wakaf am” dan “wakaf khas” sahaja tanpa huraian yang terperinci. Takrifan “wakaf” bagi negeri yang sudah mengemas kini enakmen masing-masing adalah seperti yang berikut:

“Wakaf” ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut hukum syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208].

Antara bidangkuasanya adalah mengubah harta wakaf sekiranya tujuan pewakaf tidak dapat dicapai melalui *istibdal*. Pada peruntukan inilah, pengurus harta wakaf boleh mengambil peluang sebagai satu mekanisme membangunkan harta wakaf (Sharifah Zubaidah, 2016).

Kuasa *istibdal* yang diberikan kepada pengurus harta wakaf memperlihatkan terdapat ruang pengurusan manusiawi selagi ia membawa kepada kebaikan kepada penerima manfaat harta wakaf. Justeru, selain menggantikan *mawquf* (harta yang diwakafkan) dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya, pengurus sepatutnya juga mempunyai kuasa dalam pengagihan manfaat dan perancangan ke atas harta wakaf keluarga (JAWHAR, 2010). Pengurusan terbaik ialah melalui penubuhan sebuah syarikat keluarga secara tidak rasmi atau rasmi, bagi menjaga keutuhan harta wakaf demi menjamin kelestarian hasil dan manfaatnya. Bidangkuasa inilah yang perlu diperuntukkan sama ada melalui statut perundangan, atau melalui pekeliling atau tatacara pengurusan harta wakaf keluarga.

Pengurusan yang baik ini boleh menghasilkan keuntungan yang besar kepada ekonomi keluarga sebagaimana kejayaan pengurusan harta wakaf sejak zaman silam. Sejarah menunjukkan kejayaan Kerajaan Abbasiyah mempelopori wakaf kesihatan melalui penubuhan hospital di merata jajahan takluknya. Manakala Khalifah Sallahuddin al-Ayubi memulakan wakaf pendidikan pada abad ke-12 dan ke-13 Masihi sehingga menjadi antara contoh wakaf pendidikan yang banyak memberi sumbangan kepada masyarakat setempat (Monzer Kahf, 2011) sehingga munculnya institusi hebat seperti Madrasah Nizamiyah di Iraq, Madrasah al-Nuriyah Damsyik di Syria dan Universiti al-Azhar, Kaherah di Mesir. Kesemua ini menunjukkan pencapaian yang cemerlang hasil pengurusan wakaf yang dinamik dan terancang. Perkara yang sama perlu dilakukan ke atas harta wakaf keluarga yang ada pada hari ini walaupun

jumlah keluasan dan nilai hartanya tidak sebesar mana, namun ia perlu bersifat lestari untuk kelangsungan penerima wakaf (Saduman & Aysun, 2009).

3. Pelaburan Harta Wakaf Keluarga

Kaedah utama dalam pengurusan syarikat keluarga dan pengurusan harta wakaf keluarga yang berkesan adalah melalui mekanisme pelaburan. Walaupun pengurusannya diletakkan kepada tanggungjawab *mutawalli*, namun ini tidak menghalang ia daripada diuruskan dengan sistematik. MAIN selaku pemegang amanah utama boleh mewakilkan pengurusannya kepada pemegang amanah cabang supaya pengurusan harta wakaf keluarga lebih mudah diurus dan bersifat dinamik.

Banyak kejayaan pengurusan harta wakaf umum dewasa ini walaupun ia diuruskan oleh MAIN, tetapi dilakukan melalui perwakilan kepada entiti tertentu bagi menjadikannya bersifat terfokus dan dapat menstrategikan pemasaran dengan lebih efisien. Misalnya di Singapura, pengurusan harta wakaf di Singapura diletakkan di bawah Unit Strategik Zakat dan Wakaf, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). MUIS telah melaksanakan inovasi dalam pengurusan wakaf secara profesional dan terbukti amat berjaya melalui penubuhan anak syarikat yang dikenali sebagai WARESS Investment Pte. Ltd (Mohd. Zaini, 2013; Saad et al., 2013). Di bawah pentadbiran secara syarikat ini, MUIS telah berjaya meningkatkan pendapatan tahunan wakaf dengan aset wakaf yang bernilai melebihi \$683.8 juta (Hanefah et al., 2009; MUIS Annual Report, 2013). Semua ini sukar dicapai sekiranya tiada penubuhan syarikat khas bagi mengendalikannya.

Contoh wakaf keluarga pula boleh dilihat ke atas harta wakaf yang dilakukan Sherrifa Zain Alsharoff Mohamed Alsogoff ke atas sebuah rumah kedai yang dikenali “the Red House” dan lima buah rumah kedai di East Coast Road pada tahun 1957. Pengurusan yang baik ke atas harta wakaf ini memberi pulangan lumayan sehingga mampu membiayai pendidikan cucu-cucu beliau dan juga menampung operasi Klinik Al-Taha Dispensary yang menawarkan perkhidmatan percuma (Singapore National Library Board, 2004). Jelas berdasarkan contoh ini, harta wakaf sekalipun bersifat wakaf keluarga adalah mampu dan berpotensi untuk menjadi sumber penjanaan ekonomi ahli keluarga pada masa hadapan (Karim, 2000; Muna et al., 2015).

Mekanisme pelaburan harta wakaf boleh ditiru sebagaimana pengurusan Pondok Moden Darussalam Gontor Indonesia (PMDG). Menurut kajian Nurul Hilmiyah (2013), pengurusan aset tanah PMDG tersebut dilakukan secara semi produktif melalui tindakan sewaan ke atas sebahagian hartanah wakafnya dan sebahagian lagi dimajukan sendiri. Tanah sawah yang disewakan untuk tujuan pertanian bukan sahaja memberi sumber ekonomi kepada penerima manfaat wakaf, malah kepada masyarakat sekitar yang tiada tapak sawah untuk dikerjakan.

Selain tapak pertanian, PMDG juga mempunyai aset wakaf yang dikembangkan melalui perniagaan iaitu kilang padi, kilang percetakan, kilang ais, kilang roti, kilang air minum, kilang baju, kilang tea, kilang aiskrim, kedai peralatan bangunan, kedai besi, kedai buku, kedai makan, kedai telefon, kedai fotostat, kedai farmasi dan bidang pendidikan. Semua bentuk perniagaan dan pelaburan ini menjadikan hartanah wakaf yang dimiliki menjadi produktif (Cizacka, 1995).

PENGHARGAAN

Penyelidikan artikel adalah di bawah pembiayaan Geran FRGS yang ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan kod projek: Project Code: FRGS/1/2020/SSI0/USM/02/1.

PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, keperluan untuk membangunkan harta wakaf, khususnya ke atas wakaf *dhurri* (keluarga) adalah penting. Ini kerana ia menjadi sumber terdekat ekonomi ahli-ahli keluarga dan itulah niat asal pewakaf ketika mewujudkan harta wakaf keluarga. Islam sangat menggalakkan bersedekah kepada ahli keluarga terdekat kerana menjadi tanggungjawab pewaris memastikan generasi keluarganya terpelihara daripada kemiskinan. Justeru, selain tanggungjawab nafkah yang dilakukan ketika masih hidup, kelangsungan nafkah boleh dilestarikan melalui pembentukan wakaf keluarga ini. Bagi mengatasi isu-isu penyalahgunaan dan harta wakaf keluarga menjadi beku, mekanisme terpenting adalah para penerima harta wakaf membentuk persepakatan keluarga dengan menubuhkan barisan pentadbir yang akan menguruskan syarikat keluarga.

Justeru, bagi memajukan lagi harta milik bersama ini ahli-ahli keluarga yang menjadi penerima manfaat hendaklah memastikan pengurusan ekonominya sentiasa produktif dan hasil manfaatnya dapat diagihkan dengan baik. Kerajaan hanya perlu memberi sokongan melalui mewujudkan penerangan yang jelas dan pengiktirafan undang-undang kepada penubuhan syarikat berasaskan keluarga ini. Ini bagi memudahkan pelaksanaan wakaf keluarga yang lebih jelas dan bagi mengelak timbulnya salah faham dalam kalangan *mawquf alaih* pada masa hadapan. Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf hendaklah memantau *mutawalli* cabang yang dilantik sebagai pengurus syarikat wakaf keluarga supaya yang dilantik mestilah mendapat persetujuan semua *mawquf alaih* dan menjalankan tugas dengan jujur dan amanah. Banyak peluang ekonomi dapat dijana pada hari ini lebih-lebih lagi sektor hartanah mempunyai nilai dan tarikan pelaburan yang tinggi. Bagaimanapun ia tidak akan berjalan dengan mudah tanpa penubuhan sebuah syarikat keluarga yang terancang dan produktif demi

memastikan kelestarian sumber ekonomi keluarga berkekalan.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof, Zakaria Yusof. (2004). *Prinsip Keusahawanan*. Sintok: Prentice Hall.
- Abd. Jalil Borham, 2002. Pentadbiran Undang-Undang Negeri Johor. Skudai : Penerbit : Universiti Teknologi Malaysia.
- Abu Jayb Sa'di, (2003). *Al-Qamus Al-Fiqhi, Lughatan wa Istilahan, Dar al-Fikr*, 2003.
- al-Asqalani, Ibn Hajar. (2001). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dusuqi, Syams al-Din al-Syakh Muhammad 'Arfah (1980), Hasyiyah al-Dusuqi 'ala Syarh al-Kabir, j. 4. Qaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 75.
- Alexis, W. D. (2014). *Pros & Cons Of Family Business*. Retrieved from HoustonChronicle.com: <http://www.chron.com/23.12.2021>
- al-Haitami, Ibn Hajar. (t.t.), *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al- Kutb Al-Ilmiyyah
- al-Nawawi, Abu Zakariyya. (1994). *Sahih Muslim bi Syarh al-Imam Muhyi al-Din al- Nawawi*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din. (t.t.). al-Majmu'. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.
- al-Nasa'i, Abi Abdul Rahman. (1999), Sunan al-Nasa'i, dalam Mu'jam Kutub al-Sittah, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dār al-Salam.
- al-Syarbini, Khatib. (1997). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah
- Al-Syawkani, Muhammad bin `Ali. (t.t.). *Nayl al-Awtar*. Qaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Armanurah, Nasri & Syahrina. (2018) Memimpin Pengambilalihan Perniagaan Keluarga : Kaedah, Masalah dan Cara Mengatasinya. *IJMS 25 (1), 61-82 (2018)*
- Asmak Abd Rahman, (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/aericle/view/22746>
- Cizacka, M. (1995), "Cash Waqfs of Bursa, 1555-1823," *Journal of the Economic and Social History of the Orient*. Leiden: E.J.Brill, v.38, part 3 (August 1995), h. 313.
- Coulter, M. K. (2001). *Entrepreneurship in Action*. Upper Saddle River (N.J.): Prentice Hall.
- Dean, C. F. (2005). *An Examination Of The Challenges Daughters Face In Family Business Succession*. *Family Business Review*, 18(4), 321-345.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2016). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

- Farhana Mohamad Suhaimi. (2018). Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang Dan Pelaksanaannya Di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah & Law*. 8(1), 73-81.
- Frederick, H. H., O'Connor, A., & Kuratko, D. F. (2013). *Entrepreneurship: Theory, Process And Practice*. Australia: Cengage Learning.
- Frederick. H. H., & Kuratko, D. F. (2010). *Entrepreneurship: Theory, Process Dan Practice*. Asia Pacific. Australia: Cengage Learning.
- Hanefah, M. M., Jalil, A., Ramli, A. M., Sabri, H., Nawai, N., & Shahwan, S. (2009). Financing the Development of Waqf Property: The Experience of Malaysia and Singapore. International Conference on Waqf Laws and Management: Reality and Prospects.
- Ibn Katsir. (2012). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut: Dar al-Risalah Nasyirun.
- Ibn Manzur, J. M. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, A. M. (1972). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Arabi.
- Isa Zaki. (1995). *Mujiz Ahkam al-Waqf*. Kuwait: Kuwait Awqaf Public Foundation.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (2010). Manual Pengurusan Peletakan Tanah Wakaf, Selangor: Najjah One Trading & Services.
- Karim, S. A. (2000). *Contemporary Waqf Administration and Development in Singapore; Challenges and Prospect*. Sinngapore: Islamic Religious Council of Singapore.
- Lee, J. (2006). Impact of family relationships on attitudes of the second generation in family business. *Family Business Review*, 19(3). 175-191.
- Majlis Ugama Islam Singapura, (2013). Annual Report. Retrieved July 03, 2021, from <http://www.muis.gov.sg/About/annual-report.html>
- Mohd. Zaini Othman. (2013). Mengurus Universiti Melalui Pembiayaan Wakaf. Berita Kampus, Universiti Sains Islam Malaysia. Retrieved July 03, 2021, from <http://news.usim.edu.my/ms/berita-kampus/item/354-mengurus-universiti-melalui-pembiayaanwakaf>
- Mohd. Zaini Othman. (2013). Mengurus Universiti Melalui Pembiayaan Wakaf. Berita Kampus, Universiti Sains Islam Malaysia. Retrieved July 03, 2021, from <http://news.usim.edu.my/ms/berita-kampus/item/354-mengurus-universiti-melalui-pembiayaanwakaf>
- Monzer Kahf. (2011). *Waqf and its Sociopolitical Aspects*. In Monzer Kahf & Siti Mashitoh Mahamood. (Eds.). (2011). Essential readings in contemporary waqf issues. Kuala Lumpur: CERT Publications. 399-416.
- Muna, Mokhtar, Mohd Isa, Hairul. (2015). Perkembangan Wakaf Pendidikan di Singapura. <https://www.researchgate.net/publication/284139530>
- Muslim, Hajjaj al-Qusyayri. (2000). Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi. , Beirut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyah.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Norazila Mat Hussain. (2013). Pembahagian Harta Pusaka Felda: Perspektif Masyarakat Islam Felda Taib Andak. *Jurnal Teknologi*, 66(1), 27–33.
- Norashidah Hashim, Norita Deraman, Armanurah Mohamad. (2012). Era Edar: Succession and conflicts. *Management and Business*. Sintok: Institute for Management and Business Research.
- Norita Deraman, A. M. (2010). Keusahawanan teori dan Praktis. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Nurul Himiyah. (2013). Wakaf Produktif Dalam Pembangunan Pendidikan : Kajian di Pondok Moden Darussalam Gontor, Indonesia. https://www.researchgate.net/publication/322231652_Wakaf_Produktif_dalam_Pembangunan_Pendidikan_Kajian_di_Pondok_Modern_Darussalam_Gontor_Indonesia
- Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009. (Pengeluaran Surat Kuasa Tadbir (Letter of Administration) di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 Bagi Hakmilik dan Daftar Pegangan di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960).
- Rosli Mahmood, A. N. (2010). Prinsip-prinsip keusahawanan: Pendekatan gunaan. Singapore: Cengage Learning.
- Saad, N. M., Kassim, S., & Hamid, Z. (2013). Involvement of Corporate Entities in Waqf Management: Experiences of Malaysia and Singapore. *Asian Economic and Financial Review*, 3(6), 736–748.
- Saduman, S., & Aysun, E. E. (2009). The Socio-Economic Role Of Waqf System In The Muslim-Ottoman Cities ' Formation And Evolution. *Trakia Journal of Sciences*, 7(2), 272–275.
- Sayyid Sabiq. (1987). *Fiqh Sunnah*. Beirut: Pustaka Al-Azhar
- Scarborough, N. M. (2011). *Essentials Of Entrepreneurship And Small Business Management*. New York: Prentice Hall.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader. “Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: KeArah Keseragaman Undang-undang.” KANUN, Jurnal Undang-undang Malaysia, Jld. 28, Bil. 1, Januari (2016). ISSN 0128-2670, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2016.
- Siti Mashitoh Mahamod (2007), “Pembentukan Dana Wakaf Menurut Perspektif Syariah Dan Undang-Undang Serta Aplikasinya Di Malaysia”, *Jurnal Syariah*. 15(2), 61-83.
- Wahbah al-Zuhayli. (2015). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Mohamad. (2007). Isu Pusaka Tanah Rancangan FELDA: Kajian Kes FELDA Lurah

Bilut Bentong Pahang Darul Makmur. *Prosiding
Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta
Pusaka, Wasiat dan Wakaf*. Bangi: Jabatan

Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia.

Jasni Sulong,
jasni@usm.my
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia
MALAYSIA

Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli,
syamirizzuddin0401@gmail.com
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

Kepentingan Faktor <i>Fasād Al-Zamān</i> dalam Penetapan Hukum <i>Ijtihādī</i> <i>The Importance of Fasād Al-Zamān over The Determination of Ijtihādī Law</i> Muhammad Iqbal Roslee & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	1-13
Analisis Kaedah Menghilangkan Kemudaratan Dalam Penstrukturan Semula Pembiayaan Islam <i>Analysis of Harm Retrieval Methods in Islamic Financing Restructuring</i> Erfan Asmaie Khairul Anam, Abdul Basir Mohamad & Mohammad Zaini Yahaya	14-25
Pembangunan Wakaf <i>Dhurri</i>: Penubuhan Syarikat Keluarga Ke Arah Kelestarian Sumber Ekonomi <i>Development of Wakaf Dhurri: The Establishment of Family Companies Towards Sustainable Economic Resources</i> Jasni Sulong & Muhammad Syamir Izzuddin Zulkifli	26-34
Islamic Law of Inheritance and Its Implication amongst Muslim Society: An Empirical Analysis Iqbal Saujan, Seyed Mohamed Mohamed Mazahir & Nasrin Muhammadu Ibrahim	35-51
Cadangan Prosedur Operasi Standard (SOP) Tangkapan dan Tahanan Individu Autisme untuk Pegawai Penguat Kuasa Agama (PPA) di Malaysia <i>Proposed Standard Operating Procedure (SOP) for Arrest and Detention of Autistic Individuals for Religious Enforcement Officers (PPA) in Malaysia</i> Zahidah Dahalan, Zuliza Mohd Kusrin, Wafaa' Yusof, Mohd Al Adib Samuri & Nurul Ilyana Muhd Adnan	52-61
Pelaksanaan Hukuman Mati di Malaysia Menurut Perspektif Hukum Jenayah Islam <i>Implementation of Death Penalty in Malaysia From The Islamic Criminal Law Perspective</i> Wafaa' Yusof & Muhammad Hariz Muqri Azmi	62-74
Sabit dan Hukuman Berkaitan Pemandu Mabuk Menurut Hukum Syarak <i>Conviction and Punishment Related to Drunk Drivers According to Islamic Law</i> Amira Adila Sabri & Wafaa Yusof	75-84
The Law of Naval Warfare: A Comparative Analysis in the Islamic Law of Armed Conflict and International Humanitarian Law Begümhan I. Simsir, Geneva Academy	85-90
Penguatkuasaan Penghakiman Sita dan Jual: Pelaksanaan dan Kekangan di Mahkamah Syariah <i>Foreclosure and Sale Judgments Enforcement: Implementation and Constraints in Syariah Courts</i> Mohd. Hazwan Bin Ismail & Jasni Bin Sulong	91-101
<u>Ulasan Buku / Book Review</u> Hamdeh, Emad. 2021. Salafism and Traditionalism: Scholarly Authority in Modern Islam. Cambridge University Press, DOI: 10.1017/9781108756594 Mohd Al Adib Samuri	101-103

Journal of Contemporary Islamic Law

(2022)Vol. 7(1)

Editor-In-Chief

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

Co-Editor

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

Secretary

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

Senior Editor

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad

Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad

Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad

Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah

Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin

Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

International Editor

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi

Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh

Dr. Asman Taeali

Dr. Muhammad Yasir Yusuf

Dr. Ahmad Nizam

Dr. T. Meldi Kesuma

Sarjiyanto

Shinta Melzatia

Dr. Hamza Hammad

Dr. Nazlida Muhamad

Dr. Madiha Riaz

Dr. Naveed Ahmad Lone

Chief Managing Editor

Dr. Mat Noor Mat Zain

Arabic Copy Editor

Anwar Fakhri Omar

Bahasa Copy Editor

Dr. Mohd Zamro Muda

Dr. Md. Yazid Ahmad

Editor

Dr. Mohammad Zaini Yahaya

Dr. Azlin Alisa Ahmad

Dr. Mohd Hafiz Safiai

Published by:

Research Centre for Sharia,

Faculty of Islamic Studies,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Suggested citation style:

Author, (2022), Title, Journal of Contemporary

Islamic Law, 6(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

Copyrights:

This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Noncommercial-No Derivative Works 3.0 Unported License

(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).

You can download an electronic version online. You are free to copy, distribute and transmit the work under the following conditions: Attribution – you must attribute the work in the manner specified by the author or licensor (but not in any way that suggests that they endorse you or your use of the work); Noncommercial – you may not use this work for commercial purposes; No Derivate Works – you may not alter, transform, or build upon this work.